

SULIT

1223/1

1223/1

Pendidikan

Islam

Kertas 1

Oktober

2007

2 JAM

JABATAN PELAJARAN TERENGGANU

DENGAN KERJASAMA

PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA

SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA

CAWANGAN TERENGGANU

PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2007

TINGKATAN EMPAT

PENDIDIKAN ISLAM

KERTAS 1

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi **Bahagian A dan bahagian B***
 2. ***Bahagian A** mengandungi 40 soalan objektif yang diikuti oleh empat pilihan jawapan **A, B, C dan D** serta soalan mengisi tempat kosong. Jawab **semua** soalan pada kertas jawapan yang disediakan dalam kertas soalan ini.*
 3. ***Bahagian B** mengandungi empat soalan subjektif. **Soalan 1 dan Soalan 2** wajib dijawab dan pilih mana-mana **satu** soalan berikutnya. Kesemua **tiga** soalan wajib dijawab. Semua jawapan hendaklah ditulis pada kertas jawapan yang disediakan.*
 4. *Ceraikan jawapan **Bahagian A** dan ikatkan bersama-sama dengan kertas jawapan **Bahagian B**.*
-

Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak.

BAHAGIAN A
[40 MARKAH]

Jawab semua soalan

Soalan 1 hingga Soalan 20

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan A, B, C dan D. **Hitamkan** jawapan yang tepat pada kertas jawapan yang disediakan.

1. Golongan yang berpura-pura menganut Islam, tetapi sebenarnya kufur, dikenali sebagai

- A mulhid
- B murtad
- C musyrik
- D Munafik

2. Kenyataan yang paling tepat mengenai bahaya minum arak kepada individu ialah


- A masyarakat menjadi mundur
- B menggugat keamanan negara
- C menjatuhkan maruah umat Islam
- D menjurus kepada kegiatan jenayah

3. Pilih kenyataan yang **tidak** benar mengenai sihir.

- A Menimbulkan fitnah dalam masyarakat
- B Menyengutukan Allah SWT pada zat-Nya
- C Mempercayai kepada sesuatu selain Allah SWT
- D Melemahkan keimanan terhadap Allah SWT

4. Memberi perlindungan kepada mereka yang menghadapi kerugian pendapatan atau harta dinamakan

- A insurans pendidikan
- B insurans nyawa
- C insurans khas
- D insurans am




5. P dalam rajah di atas ialah

- A Menyebabkan seseorang itu syirik
- B Melemahkan perpaduan masyarakat
- C Mengurangkan bilangan penganut Islam
- D Menghilangkan pergantungan kepada Allah

6. Antara berikut manakah hikmat taubat ?
- I Mendapat balasan syurga di akhirat kelak
 - II Menyesal terhadap maksiat yang dilakukan
 - III Dapat berterus terang memohon maaf kepada manusia
 - IV Memberi ketenangan hati kepada muslim yang bertaubat
- A I dan II
 - B II dan III
 - C I dan IV
 - D III dan IV
7. Daging korban afdal dibahagikan kepada tiga bahagian **kecuali**
- A $\frac{1}{3}$ kepada orang ramai
 - B $\frac{1}{3}$ kepada anak-anak yatim
 - C $\frac{1}{3}$ kepada orang fakir dan miskin
 - D $\frac{1}{3}$ dimakan oleh orang yang berkorban
8. Nyatakan umur kambing yang sah dibuat akikah.
- A satu tahun lebih
 - B dua tahun lebih
 - C lima tahun
 - D tiga tahun

Perhatikan rajah di bawah.



9. Amalan di atas adalah salah satu rukun haji. Ia dilakukan selepas mengerjakan _____
- A saie
 - B tawaf
 - C bercukur
 - D berniat ihram
10. Hukum mengajak orang melakukan kebaikan dan menghalang daripada melakukan perkara yang ditegah oleh syarak ialah
- A wajib
 - B sunat
 - C fardu ain
 - D fardu kifayah

11. Berikut adalah perkara-perkara sunat semasa sembelihan **kecuali**
- A berselawat ke atas nabi
 - B menyebut nama Allah S.W.T.
 - C menghadap binatang ke arah kiblat
 - D melakukan sembelihan pada waktu malam
12. Upah haji sah di sisi syarak apabila
- I tidak berihram di miqat bagi orang yang mengupah haji
 - II mengambil upah bagi beberapa orang dalam satu musim haji
 - III orang yang mengambil upah haji sempurna syarat mengerjakan haji
 - IV orang yang mengambil upah haji telah mengerjakan haji terlebih dahulu
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV
13. Syahid Qayyum tidak melontar Jamratul Ula pada 11 Zulhijjah
Manakah kenyataan yang benar mengenai ibadat hajinya
- I Sah hajinya
 - II Tidak sah haji
 - III Dikenakan bayaran dam
 - IV Diwajibkan qada` pada tahun berikutnya
- A I dan III
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D II dan IV
- Memecat pegawai kerajaan dari keturunan Umayyah.
 - Meneruskan Majlis Tahkim walaupun tidak dipersetujui oleh golongan Khawarij
14. Pernyataan di atas adalah polisi pentadbiran
- A Saidina Umar al-Khattab r.a.
 - B Saidina Uthman bin Affan r.a.
 - C Saidina Abu Bakar al-Siddiq r.a.
 - D Saidina Ali bin Abi Talib karramallahu wajah
15. Berikut adalah tokoh-tokoh tentera yang memberi khidmat cemerlang pada zaman Kerajaan Bani Umayyah **kecuali**
- A Muhammad bin al-Qasim al-Thaqafi
 - B Qutaibah bin Muslim
 - C Tariq bin Ziyad
 - D Wasil bin Ata'
16. Kitab al-Manasik al-Kabir dan al-Musnad adalah hasil tulisan
- A Al-Imam Malik rahimahullah
 - B Al-Imam al-Bukhari rahimahullah
 - C Al-Imam Abu Hanifah rahimahullah
 - D Al-Imam Ahmad bin Hanbal rahimahullah

17. Antara berikut manakah **tidak benar** mengenai Imam al-Ghazali ?
- A Menjadi tenaga pengajar kanan di Universiti Nizamiyah, Baghdad dan Naisabur
 - B Pelopor kepada golongan sufi
 - C Mengarang kitab al-Risalah
 - D Digelar Hujjatul Islam

- Dilahirkan pada tahun 1041H / 1101M.
- Menghafaz al-Qur'an ketika berusia 11 tahun.
- Menghafaz 100,000 hadis sahih dan 200,000 hadis tidak sahih.

18. Siapakah tokoh di atas?
- A Imam al-Bukhari rahimahullah
 - B Imam al Ghazali rahimahullah
 - C Imam Abu Hanifah rahimahullah
 - D Imam Ahmad bin Hambal rahimahullah

- Berdoa supaya diampunkan dosa.
- Menghadihkan ayat-ayat suci al-Quran .
- Mengingatkan waris supaya bersabar dengan ujian Allah.

19. Pernyataan di atas menerangkan adab
- A terhadap Rasulullah SAW
 - B menjaga orang sakit
 - C menziarahi jenazah
 - D zikrulullah

20. Rasulullah SAW berdakwah dengan menggunakan pelbagai teknik dan pendekatan bersesuaian mengikut tempat, situasi dan peringkat umur seseorang .

Pernyataan di atas menerangkan cara adab amar makruf nahi mungkar iaitu

- A berdakwah bil hal
- B berdakwah bil kitab
- C berbincang secara yang baik
- D berdakwah secara berhikmah

Soalan 21 hingga Soalan 40.


Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

21. Pertambahan yang diperolehi melalui pertukaran barang yang sama ialah _____
22. Hukuman terhadap orang yang meminum arak ialah _____.
23. _____ ialah menolak syariat yang dibawa oleh Rasulullah SAW
24. Ibadat _____ mengingatkan kembali sejarah Siti Hajar mencari air untuk puteranya Nabi Ismail a.s.

25. Lengkapi tempat kosong di bawah berkaitan dengan ibadah korban.

Jenis binatang ternakan	Umur
a. Lembu/kerbau	2 tahun lebih
b. _____	5 tahun lebih

26. Sembelihan ialah menghilangkan nyawa binatang yang halal dimakan dengan cara memutuskan urat _____ dan urat marik dengan menggunakan alat yang tajam.




27. Q dalam carta di atas ialah _____


28. Sejenis terbitan yang dikeluarkan oleh _____ sebagai alat pemilikan dikenali sebagai saham.

29. Akikah afdal dilakukan pada hari _____ kelahiran bayi.

Soalan 30 hingga 32 adalah berdasarkan gambar rajah di bawah.




30. Tempat bertanda R ialah _____
31. Tempat bertanda S ialah _____
32. Tempat bertanda T ialah _____
33. Di zaman kerajaan Bani Umayyah, kota _____ menjadi terkenal sebagai pusat penyebaran ilmu.
34. Al-Imam al-Bukhari telah mengumpul 600 000 hadis selama 16 tahun di dalam kitabnya _____.
35. Al-Imam al-Ghazali telah menolak fahaman _____ yang meresap dalam ilmu kalam.



36. U dalam rajah di atas ialah _____
37. Kerajaan Bani Umayyah telah mengemaskinikan pentadbiran _____ bagi memantapkan kewangan negara.
38. Kitab _____ adalah karya yang paling masyhur dihasilkan oleh Imam al-Ghazali.

Soalan 39 dan Soalan 40 adalah berdasarkan rajah di bawah.

Lengkapkan tempat kosong dengan jawapan yang betul.



39. X dalam rajah di atas ialah _____

40. Y dalam rajah di atas ialah _____

BAHAGIAN B

[60 markah]

Jawab tiga soalan : Soalan 1, Soalan 2 dan mana-mana satu soalan berikutnya.

1 (a) Orang yang berdosa kerana melakukan kejahatan diwajibkan bertaubat.

(i) Apakah maksud taubat? [2 markah]

(ii) Nyatakan **dua** syarat taubat yang diterima Allah SWT. [4 markah]

(iii) Salah satu hikmah bertaubat ialah mendekatkan diri kepada Allah SWT. Jelaskan **dua** hikmah selainnya. [4 markah]

- (b) (i) Terangkan **dua** contoh khurafat yang masih diamalkan dalam masyarakat Melayu Islam [2 *markah*]
- (ii) Nyatakan **dua** kesan khurafat terhadap individu. [4 *markah*]
- (c) Bagaimanakah sikap seorang anak yang dianggap derhaka kepada ibu bapa? [4 *markah*]
- 2 (a) Syarikat ialah perjanjian terhadap sesuatu perkara yang dilaksanakan antara dua pihak atau lebih.
- (i) Nyatakan **empat** perkara yang membatalkan syarikat. [4 *markah*]
- (ii) Terangkan hikmah diharuskan penubuhan syarikat. [2 *markah*]
- (iii) Rakan kongsi syarikat anda telah meninggal dunia. .
Apakah tindakan anda untuk menyelamatkan syarikat? [2 *markah*]
- (b) (i) Jelaskan perbezaan haji Ifrad dan haji Tamattuk [4 *markah*]
- (ii) Nyatakan **dua** syarat binatang yang sah dijadikan korban [2 *markah*]
- (iii) Berikan contoh sighth akad jual beli [2 *markah*]
- (c) Nyatakan hukum dan alasan bagi situasi berikut:
- (i) Ketika menyembelih seekor kambing, Haji Fuad tidak sempat membaca bismillah disebabkan binatang tersebut sangat liar. [2 *markah*]
- (ii) Encik Amnan telah membeli saham yang telah ditentukan dividen secara tetap. [2 *markah*]
- 3 (a) (i) Nyatakan perkembangan ketenteraan pada zaman Kerajaan Bani Umayyah. [4 *markah*]
- (ii) Jelaskan **dua** tujuan Kerajaan Bani Umayyah memperkuatkan ketenteraan pada zamannya. [4 *markah*]
- (b) (i) Nyatakan **dua** syarat penerimaan hadis sahih oleh Imam al-Bukhari. [2 *markah*]
- (ii) Jelaskan **dua** kegigihan Imam al-Bukhari dalam usaha mengumpul hadis [2 *markah*]
- (c) Umat Islam dituntut menunaikan tanggungjawab terhadap jenazah
- (i) Nyatakan **dua** perkara yang dilarang ketika menziarahi jenazah. [2 *markah*]
- (ii) Jelaskan **dua** kelebihan orang yang sentiasa mengingati mati [2 *markah*]
- (iii) Bagaimanakah anda melaksanakan kewajipan tuntutan fardhu kifayah terhadap jenazah [4 *markah*]

- 4 (a) (i) Jelaskan **dua** kesan pemecatan Muawiyah bin Abi Sufian sebagai gabenor di Syam oleh Saidina Ali bin Abi Talib [4 *markah*]
- (ii) Terangkan **dua** syarat penyerahan jawatan khalifah dari Saidina Hassan bin Ali kepada Muawiyah. [4 *markah*]
- (b) Imam al-Ghazali digelar Hujjatul Islam kerana kecekapan dan kekuatannya membela Islam.
- (i) Nyatakan **dua** bidang ilmu yang dikuasainya. [2 *markah*]
- (ii) Jelaskan **dua** sumbangan beliau terhadap tamadun Islam. [2 *markah*]
- (iii) Terangkan **dua** sifat peribadi beliau yang wajar **dicontohi oleh pelajar** untuk mencapai Kecemerlangan dalam peperiksaan. [2 *markah*]
- (c) Penampilan diri melalui cara berhias diri yang baik mengikut garis panduan Islam menyebabkan seseorang itu dipandang mulia oleh orang lain.
- (i) Nyatakan **dua** cara berhias diri menurut Islam. [2 *markah*]
- (ii) Terangkan **dua** akibat tidak menjaga kebersihan diri [2 *markah*]
- (iii) Bagaimanakah anda memperlihatkan penampilan diri yang baik dalam pergaulan harian [2 *markah*]

KERTAS SOALAN TAMAT